

20 AUG 1997

Kabinet-Jerebu

PELAN BERTINDAK AKAN DILAKSANA ATASI MASALAH JEREBU

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Kabinet hari ini bersetuju melaksanakan pelan bertindak untuk mengatasi masalah jerebu di seluruh negara berdasarkan tahap kualiti udara.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata, pelan tindakan yang terbahagi kepada lima peringkat itu akan dilaksanakan di seluruh negara melalui pelbagai agensi di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Jerebu.

Antara tindakan drastik yang akan diambil jika keadaan mencapai tahap tidak sihat -- indeks pencemaran udara antara 101 dan 200 -- ialah meningkatkan kadar cas letak kereta di kawasan bandar, mengurangkan tambang pengangkutan awam dan mewajibkan perkongsian kereta, kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Pihak berkuasa tempatan juga akan diarah memastikan kesemua kawasan kuari menggunakan alat pemancut air untuk mengurangkan debu manakala industri yang terlibat dalam pembebasan bahan-bahan terapung di udara seperti wap air dan sebatian organik mudah terpeluap (VOC) mengurangkan pengeluaran bahan-bahan itu.

Langkah lain yang mungkin diambil jika kualiti udara mencapai tahap memudaratkan ialah penutupan sekolah dan menghadkan kemasukan kenderaan persendirian ke kawasan bandar terutamanya di Lembah Klang.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan butiran langkah-langkah yang bakal diambil apabila keadaan mencapai tahap sangat tidak menyihatkan (indeks antara 201 dan 300) dan berbahaya (301-500).

"Kita hanya akan mengumumkan dan melaksanakannya apabila semua agensi terbabit telah diberitahu tugas masing-masing dalam masa seminggu dua ini," katanya.

Menurut Law, keadaan di Semenanjung Malaysia yang terlibat dengan jerebu secara keseluruhannya bertambah baik kecuali Lembah Klang dan Johor yang mengalami keadaan sederhana berjerebu hari ini berbanding keadaan sedikit berjerebu semalam.

Bagaimanapun keadaan di Sarawak bertambah teruk terutamanya di bandar Kuching yang mencatatkan status tidak sihat dengan indeks pencemar udara pada tahap 115. Tahap penglihatan di Kuching, Sibu dan Miri turut terjejas pada kadar 1.2Km sahaja.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengarahkan penggunaan teknik membuat hujan tiruan di kawasan yang mengalami kemarau dan berjerebu.

Beliau berkata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat yang juga pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Kebangsaan akan ke Indonesia esok untuk berbincang mengenai langkah-langkah yang akan diambil kedua-dua negara untuk mengatasi masalah itu.

Law berkata berdasarkan gambar satelit yang diambil pagi ini, kawasan "hot spot" yang menunjukkan pembakaran hutan, beransur kurang di Sumatera manakala di timur Kalimantan keadaannya bertambah teruk.

"Kita tahu mereka mempunyai undang-undang mengenai pembakaran terbuka tetapi mungkin tidak menguatkuasakannya dengan ketat," katanya.

Beliau berkata Malaysia akan turut mencadangkan langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan yang perlu diambil Indonesia berdasarkan hasil mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Jerebu baru-baru ini.

Mengenai langkah jangka panjang, Law berkata antara langkah yang bakal diambil ialah mewajibkan penggunaan alat ubah pemangkin pada kenderaan dan

mewujudkan sistem pengawasan kualiti udara secara automatik di seluruh negara.

-- BERNAMA
HJ NMO